

### Apa LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Sebelum mengambil ubat,

- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika ada alergi kepada ubat-ubatan.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda ubat-ubatan yang anda sedang ambil.
- Biar doktor anda tahu jika anda mempunyai atau pernah mempunyai penyakit buah pinggang dan hati.
- Beritahu doktor anda jika anda sedang hamil, merancang untuk hamil, atau sedang menyusu badan kepada anak anda.
- Elakkan merokok dan minum alkohol kerana ini mungkin menyebabkan perut anda menghasilkan asid yang berlebihan dan mungkin mencegah ubat daripada bertindak dengan betul.
- Jika anda sedang mengambil antasid, ianya harus diambil selepas 1-2 jam daripada ubat anda.

### Bagaimana saya harus MENYIMPAN ubat?

Simpan dalam bekas yang kedap udara. Simpan jauh daripada haba dan cahaya matahari secara langsung.



# Risalah Maklumat Untuk Pesakit



## Penghalang Reseptor Histamin<sub>2</sub> Histamine<sub>2</sub> - Receptor Antagonists

Cimetidine • Famotidine • Ranitidine

**MENGENAI** ubat anda

Ubat ini mengurangkan jumlah asid yang dihasilkan di dalam perut. Ia digunakan untuk merawat dan mencegah kewujudan semula ulser dan keadaan lain yang disebabkan oleh penghasilan asid perut yang terlalu banyak. Ubat ini juga digunakan dalam pengawalan rasa pedih hulu hati dan ketidak pencernaan.

Ubat ini kadang-kala diberikan untuk kegunaan lain. Sila tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk maklumat-maklumat selanjutnya.

**BAGAIMANA** cara saya mengambil ubat ini?

Ubat ini patut diambil secara oral. Ia boleh diambil dengan atau tanpa makanan. Ikut arahan pada label preskripsi dengan berhati-hati dan tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk menjelaskan bahagian yang anda tidak faham. Ambil ubat dengan betul seperti yang diarahkan.

Anda tidak boleh mengambil ubat lebih daripada 2 minggu kecuali telah diarahkan oleh doktor anda untuk berbuat demikian. Minta nasihat sama ada ahli farmasi atau doktor jika simptom-simptom berlarutan atau berlaku semula selepas satu peringkat rawatan.

**Apakah yang patut saya lakukan jika SAYA TERLUPA** makan satu dos?

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja anda ingat. Bagaimanapun, jika sudah sampai masa untuk dos yang berikutnya, biarkan sahaja dos yang terlupa diambil dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual waktu pengambilan ubat. Jangan gandakan dos untuk mengganti dos yang terlupa dimakan itu.

Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

**Apakah KEMUNGKINAN KESAN SAMPINGAN** pengambilan ubat ini?

Walaupun kesan sampingan adalah jarang, ia masih boleh berlaku. Kesan sampingan ini mungkin hilang semasa rawatan apabila badan anda telah menyesuaikan diri dengan ubat ini. Bagaimanapun, periksa dengan doktor anda jika salah-satu daripada kesan sampingan berikut berlarutan atau mengganggu.

Ubat	Kesan-kesan Sampingan
Cimetidine (Tagamet®) Famotidine (Pepcid®) Ranitidine (Zantac®)	Sakit kepala Cirit-birit Pening Sembelit

Minta nasihat doktor jika anda mengalami sebarang kesan sampingan luar biasa semasa mengambil ubat anda.

Berhenti mengambil ubat dan hubungi doktor anda dengan segera jika anda mempunyai simptom-simptom berikut:

- Ruam atau gatal
- Gatal-gatal
- Sukar bernafas atau menelan
- Kekeliruan pemikiran
- Lebam atau pendarahan luar biasa
- Kekuningan kulit atau mata

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak